

## **GANJARAN KONTRAK [PERKARA 60 BAHAGIAN VIII PP 2/2008]**

Ganjaran merupakan salah satu faedah tamat perkhidmatan yang dibayar kepada pegawai bertaraf kontrak yang telah menamatkan perkhidmatan dengan memuaskan.

Pegawai yang meletakkan jawatan atas apa sebab sekalipun tidak layak dibayar ganjaran kecuali peletakan jawatan kerana mendapat tawaran pelantikan dalam sektor awam. Ini termasuk pegawai yang disyaratkan untuk mengikuti kursus pra perkhidmatan dalam sektor awam sebelum dilantik secara tetap.

Pegawai layak dibayar ganjaran jika perkhidmatan mereka ditamat atau dipendekkan oleh agensi sebelum cukup tempoh yang ditetapkan, kecuali penamatan atau pemendekan kontrak itu dibuat atas sebab tatakelakuan dan/ atau prestasi kerja yang tidak memuaskan.

Ganjaran kontrak dibayar berdasarkan formula berikut:

$$[(17.5\% - \text{peratus kadar caruman majikan dalam KWSP}) \times \text{gaji akhir} \times \text{jum. genap bulan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira}] - [\text{jumlah faedah ke atas caruman majikan dalam KWSP}]$$

Jika jumlahnya negatif (-), pegawai tidak dikehendaki membayar balik jumlah tersebut.